

# MEJA BULAT

Diskusi Mencipta Resolusi

SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA:  
SELEPAS 60 TAHUN,  
DI MANA SILAPNYA?



IMBAS UNTUK TONTON VIDEO PENUH

## Feri Pulau Pinang rugi RM14 juta setahun

**GEORGE TOWN** - Perkhidmatan feri Pulau Pinang dianggarkan mengalami kerugian sekitar RM14 juta setahun, kata Khairil Khir Johari.

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital Pulau Pinang itu berkata, antara faktor yang menyumbang kepada kerugian ditanggung oleh Penang Port Sdn Bhd (PPSB) itu adalah kos diesel yang tinggi kerana ia dibayar mengikut harga pasaran susulan ketiadaan subsidi bahan api tersebut untuk perkhidmatan feri.

**IG DUN  
PINANG**

“Untuk gambaran kasar, kutipan tiket perkhidmatan feri hanya dapat menampung lebih kurang 35 peratus dari kos perbelanjaan operasi feri.

“Setiap feri memerlukan lebih RM2 juta setahun untuk insurans, pemeriksaan tahunan dan penyelenggaraan wajib bagi menjamin keselamatan feri yang beroperasi,” katanya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini pada Isnin.

Beliau menjawab soalan dari **Teh Lai Heng (PH-Komtar)** berkenaan keadaan kewangan perkhidmatan feri di Pulau Pinang.

**Zairil (PH-Tanjung Bunga)** berkata, walaupun rugi namun PPSB tetap melaksanakan penambahbaikan berterusan bagi memastikan perkhidmatan terbaik kepada pengguna.

Tambahnya, seramai 1.76 juta penumpang pejalan kaki dan 615,879 kenderaan dua roda telah menggunakan pengangkutan awam itu dari Januari hingga Oktober lalu.